

21 DEC 2002

Mahathir-Pelancong

KUBANG PASU ADA POTENSI SEBAGAI KAWASAN PELANCONGAN, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata daerah Kubang Pasu mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai sebuah kawasan pelancongan.

Katanya, daerah Kubang Pasu yang sebelum ini kurang mendapat perhatian pelancong akan berubah wajah dengan wujudnya beberapa produk pelancongan.

Berucap merasmikan Taman Batu dan Bonsai Lye Huat di Napoh dekat sini hari ini, beliau berkata taman berkenaan yang telah dua kali dilawatnya adalah antara tarikan baru sektor pelancongan di daerah itu.

Beliau percaya taman itu yang mempamerkan pelbagai jenis batu batan dan pokok bonsai akan menarik para pelancong terutama dari China.

Dr Mahathir yang juga anggota parlimen Kubang Pasu, berkata selain taman batu dan bonsai itu, daerah itu juga terkenal dengan industri kulat untuk perubatan.

"Ini (kulat) juga amat diminati oleh orang-orang Cina sebagai ubat," katanya.

Beliau sementara itu turut memuji pengusaha taman batu dan bonsai itu serta usahawan-usahawan lain yang menjalankan aktiviti yang dapat menarik para pelancong ke Kubang Pasu.

Sebelum itu, pemilik dan pengurus berkenaan, Lim Lye Huat berkata taman itu adalah yang pertama di Malaysia mengandungi galeri batu semula jadi, bonsai, galeri seni lukis, mini zoo dan akuarium.

Menurutnya, taman seluas 2.4 hektar itu yang dimulakan 10 tahun lepas telah menarik banyak pelancong terutama dari China, Jepun, Korea, Indonesia, Thailand, Taiwan dan Hong Kong.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

-- BERNAMA

AD IAW MOZ